

S1

**SULIT**

Bahasa

Melayu

SJK

$1\frac{1}{4}$  jam

## PERCUBAAN UPSR TAHUN 6 2019

**BAHASA MELAYU SJK – PEMAHAMAN 021**

Satu jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Bagi Bahagian A, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
4. *Bagi Bahagian B, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan. Ceraikan Bahagian B daripada kertas peperiksaan ini.*
5. *Serahkan Bahagian B bersama-sama kertas jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

(Lihat halaman sebelah  
**SULIT**)

## BAHAGIAN A


[20 markah]

### Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Rozila dan Zieta membuat persiapan sebelum \_\_\_\_\_ menghadiri kem motivasi.
  - A dia
  - B saya
  - C kami
  - D mereka
  
- 2 “\_\_\_\_\_, inilah baki wang selepas saya membeli barang-barang dapur!” kata Fairuz kepada ibunya.
  - A Oh
  - B Cis
  - C Nah
  - D Wah


Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Gasing itu \_\_\_\_\_ dengan ligat di atas tanah lapang.
  - A bertolak
  - B bergolek
  - C berguling
  - D berpusing
  
- 4 Cikgu Lim mengajar murid-murid membuat \_\_\_\_\_ menggunakan kain anduh.
  - A balutan
  - B berbalut
  - C pembedahan
  - D pembalutan

- 5 \_\_\_\_\_ orang anak Encik Hamdan sedang menyambung pelajaran di universiti.
  - A Kedua
  - B Berdua
  - C Kedua-dua
  - D Berdua-duaan
  
- 6 “Saya meminta maaf kerana datang \_\_\_\_\_,” kata Alfian kepada Helmi.
  - A perlahan
  - B lampau
  - C lambat
  - D lama

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Alat mainan adik telah terjatuh di \_\_\_\_\_ sofa.
  - A atas
  - B celah
  - C dalam
  - D bawah
  
- 8 Majlis perkahwinan kakak Emelda diadakan secara \_\_\_\_\_ sahaja.
  - A puji-pujian
  - B kecil-kecilan
  - C terang-terangan
  - D kenang-kenangan

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Pelanggan itu terjumpa se\_\_\_\_\_ rambut di dalam mi goreng yang dihidangkan.
- A ulas  
B helai  
C pucuk  
D batang

- 10 Min Yin yang lapar makan biskut sementara menunggu sarapan disediakan oleh ibunya.

Pilih simpulan bahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A alas perut  
B buah mulut  
C makan angin  
D ringan tulang
- 11 Benteng itu dibina untuk menahan air daripada masuk ke kawasan yang rendah.
- Pilih perkataan sinonim bagi menahan.
- A menyekat  
B mendesak  
C menghalau  
D membentuk
- 12 Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberi.
- Projek itu gagal disiapkan akibat kekurangan tenaga pekerja.
- A Apakah masalah tenaga pekerja?  
B Bilakah projek itu gagal disiapkan?  
C Adakah projek itu gagal disiapkan?  
D Mengapakah projek itu gagal disiapkan?

- 13 Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Petani menuai padi dengan menggunakan jentera penuai.

- A Padi dituai oleh petani dengan menggunakan jentera penuai.  
B Padi dituai oleh jentera penuai dengan menggunakan petani.  
C Jentera penuai dituai oleh petani dengan menggunakan padi.  
D Petani dituai oleh jentera penuai dengan menggunakan padi.
- 14 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.
- I Pak Naning berat untuk menjual rumah pusakanya.  
II Berat bayi yang baru dilahirkan itu hanya 1.5 kilogram.  
III Masalah yang ditanggung oleh keluarga itu amat berat.  
IV Negeri-negeri di pantai timur dilanda hujan berat sejak minggu lepas.
- A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV

- 15 Pilih ayat yang betul.

A Jemput sila datang ke sini.  
B Jangan kacau adik yang sedang tidur.  
C Minta tolong buang sampah ini ke dalam tong sampah.  
D Usah jangan menjerit-jerit kerana peperiksaan sedang dijalankan.

**Soalan 16 hingga 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rizal menjadi *anak yatim piatu* setelah ibu bapanya ditimpa kemalangan. Semenjak itu, Rizal tinggal bersama dengan neneknya. Nenek Rizal menjaganya dengan penuh kasih sayang.

Kini, Rizal sudah berumur 12 tahun. Namun, neneknya masih bekerja keras untuk mencari rezeki bagi menyara Rizal. Rizal pergi ke sekolah dengan menunggang basikal bersama-sama rakan-rakan sekampung. Nenek akan menyediakan sarapan untuk Rizal sebelum dia pergi ke sekolah seperti nasi goreng atau lempeng kelapa kegemarannya.

Pada suatu hari, nenek Rizal demam teruk. Rizal tidak sampai hati untuk meninggalkan neneknya seorang diri di rumah. Namun, nenek mendesak Rizal pergi ke sekolah kerana pelajaran sangat penting.

Semasa sedang belajar, Rizal dipanggil ke pejabat oleh guru kelasnya secara tiba-tiba. Rizal berasa amat terkejut kerana jirannya, Pak Haikal turut berada di situ semasa dia sampai di pejabat. Pak Haikal membawa Rizal pulang ke rumah dengan motosikal. Rizal dapat mengagak sesuatu yang buruk telah berlaku pada neneknya.

Sesampainya di rumah, Rizal mendapati neneknya telah meninggal dunia. Rizal sangat sedih kerana dia tidak ada tempat mengadu lagi. Rizal menangis teresak-esak.

- 16 Bagaimanakah Rizal pergi ke sekolah?  
A Berjalan kaki  
B Menaiki bas sekolah  
C Menunggang basikal  
D Membonceng motosikal
- 17 Apakah makanan kegemaran Rizal?  
A Mi goreng  
B Nasi lemak  
C Lepat pisang  
D Lempeng kelapa
- 18 Mengapakah nenek Rizal meninggal dunia?  
A Akibat cedera  
B Kerana sakit kuat  
C Akibat terlalu penat bekerja  
D Kerana ditimpa kemalangan
- 19 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.  
A Pak Haikal ialah jiran Rizal.  
B Rizal amat disayangi oleh neneknya.  
C Guru kelas membawa Rizal pulang ke rumah dengan motosikal.  
D Rizal belajar dalam tahun enam ketika neneknya meninggal dunia.
- 20 Rangkai kata *anak yatim piatu* dalam petikan bermaksud  
A anak yang disayangi.  
B anak yang kematian ibu.  
C anak yang kematian bapa.  
D anak yang kematian ibu dan bapa.

**BAHAGIAN A TAMAT**

SI

**SULIT**

**Bahasa**

**Melayu**

**SJK**

$1\frac{1}{4}$  jam

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

NO. KAD PENGENALAN/  
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

## PERCUBAAN UPSR TAHUN 6 2019

**BAHASA MELAYU SJK – PEMAHAMAN 021**

**Bahagian B**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*
3. *Serahkan Bahagian B ini bersama-sama kertas jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
No. Soalan		Markah Penuh	Markah Diperoleh
21		5	
22	a	5	
	b		
23	a	5	
	b		
24	a	7	
	b		
	c		
25	a	8	
	b		
	c		
	d		
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**]

**BAHAGIAN B**

[30 markah]

**Soalan 21**

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

menebas  
ditutup

berjalan  
tertidur

beratur  
melompat

merangkak  
menanam

- (i) Tingkap \_\_\_\_\_ oleh Nisya kerana hari sudah lewat malam.
- (ii) Para pengguna \_\_\_\_\_ panjang untuk membayar bil di kaunter.
- (iii) Tukang kebun sedang \_\_\_\_\_ lalang yang tumbuh tinggi di kawasan sekolah.
- (iv) Si Arnab yang keletihan \_\_\_\_\_ di bawah sebatang pokok.
- (v) Buaya itu \_\_\_\_\_ perlahan-lahan ke darat sebelum menerkam mangsanya.

[ 5 markah ]

**Soalan 22**

(a) *Padankan perkataan yang betul bagi melengkapkan ayat.*

(i) Fifi mengulang kaji pelajaran \_\_\_\_\_ lewat malam.

akan

(ii) Peserta perkhemahan memasak makanan \_\_\_\_\_ kayu api.


hingga

(iii) Adik amat takut \_\_\_\_\_ bunyi guruh yang kuat.

dengan

[ 3 markah ]

(b) *Nyatakan satu peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.*



Han Min dan Wei Hao akan bergaduh apabila bertemu. Mereka \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

**Soalan 23**

(a) *Tulis ayat cakap pindah bagi ayat cakap ajuk yang diberikan.*

Ayat cakap ajuk : "Sila beratur semasa membeli makanan di kantin," kata guru disiplin kepada murid-murid.

Ayat cakap pindah : \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(b) *Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.*



Faedah berkebun di rumah:

- menggunakan masa lapang dengan berfaedah
- menjimatkan wang
- mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga

Mengapakah kita digalakkan berkebun di rumah?

---



---



---



---

[ 3 markah ]



**Soalan 24**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Pulau Pinang merupakan antara destinasi pelancongan yang utama di negara kita. Antara destinasi yang cukup terkenal di Pulau Pinang ialah Bukit Bendera yang dibuka sekitar tahun 1900.

Terdapat kemudahan kereta api khas yang disediakan untuk menaiki dan menuruni Bukit Bendera. Perjalanan kereta api khas ini mengambil masa selama sejam untuk menaiki dan menuruni Bukit Bendera.

Dari Bukit Bendera yang berada kira-kira 800 meter dari aras laut ini, pemandangan hampir seluruh Pulau Pinang dapat dilihat oleh para pengunjung. Suasana yang tenang juga dapat dinikmati apabila berada di puncak Bukit Bendera.

(a) Bukit Bendera dibuka \_\_\_\_\_.

[ 1 markah ]

(b) Bagaimanakah pelancong hendak menaiki dan menuruni Bukit Bendera?

---

---

---

[ 2 markah ]

(c) Nyatakan **dua** keistimewaan Bukit Bendera.

(i) 

---

---

(ii) 

---

---

[ 4 markah ]

**Soalan 25**

Baca resipi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

# Bubur Ayam



## Bahan-bahan

Isi ayam (direbus dan disiat-siat)

1 cawan beras

1 inci halia

3 ulas bawang merah

2 ulas bawang putih

1 batang lobak merah (dipotong seperti lidi)

Minyak masak

Sedikit daun bawang dan daun sup

Sedikit garam

Sedikit lada sulah

Air secukupnya

## Cara Memasak

- 1 Tumbuk halia, bawang merah dan bawang putih sehingga lumat. Panaskan minyak masak dan tumis sehingga wangi.
- 2 Masukkan beras yang sudah dibersihkan lalu digaul sebati.
- 3 Masukkan air dan didihkan sehingga separuh masak.
- 4 Masukkan isi ayam, garam dan lada sulah. Kacau rata.
- 5 Masukkan lobak merah apabila nasi hampir pecah.
- 6 Hidangkan bubur dengan bawang goreng, daun bawang dan daun sup.

(a) Resipi ini adalah untuk memasak \_\_\_\_\_

[ 1 markah ]

(b) Nyatakan **dua** bahan utama dalam memasak bubur ini.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(c) Apakah yang perlu dilakukan apabila beras dididihkan sehingga separuh masak?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(d) Pada pendapat kamu, mengapakah bubur dihidangkan dengan bawang goreng, daun bawang dan daun sup?

Jawapan kamu hendaklah menggunakan ayat yang lengkap.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[ 3 markah ]

**BAHAGIAN B TAMAT**

S1

**SULIT**

Bahasa

Melayu

SJK

1  $\frac{1}{4}$  jam

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

NO. KAD PENGENALAN/  
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

## PERCUBAAN UPSR TAHUN 6 2019

**BAHASA MELAYU SJK – PENULISAN 022**

Satu jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi Bahagian C, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1 atau Soalan 2.*
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Kod Pemeriksa:		
Bahagian	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	10	
B	15	
C	25	
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.




(Lihat halaman sebelah  
**SULIT**)

**BAHAGIAN A**  
[10 markah]  
(Masa dicadangkan : 15 minit)

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti semasa sambutan Hari Kanak-kanak di sekolah.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut.

# SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK



# BAHAGIAN A

1 \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2 \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3 \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4 \_\_\_\_\_


\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

5 \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



**BAHAGIAN B**

[15 markah]

(Masa dicadangkan : 25 minit)

Peta minda di bawah menunjukkan cara-cara mengurangkan penggunaan plastik.

Tulis ulasan berdasarkan peta tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



**CARA-CARA  
MENGURANGKAN  
PENGUNAAN  
PLASTIK**







**BAHAGIAN C**

[25 markah]

(Masa dicadangkan : 35 minit)

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.*

*Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan.*

**Soalan 1**

Kamu telah memenangi suatu pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Tulis sepucuk surat kepada kawan kamu untuk berkongsi pengalaman kamu itu.

Tulis surat kamu selengkapnya.

**ATAU****Soalan 2**

Tulis sebuah karangan yang bertajuk "Faedah Mengunjungi Perpustakaan".





**Pemahaman**

**Bahagian A**

- |      |      |      |      |      |
|------|------|------|------|------|
| 1 D  | 2 C  | 3 D  | 4 A  | 5 C  |
| 6 C  | 7 D  | 8 B  | 9 B  | 10 A |
| 11 A | 12 D | 13 A | 14 B | 15 B |
| 16 C | 17 D | 18 B | 19 C | 20 D |

**Bahagian B**

- 21 (i) ditutup  
 (ii) beratur  
 (iii) menebas  
 (iv) tertidur  
 (v) merangkak
- 22 (a) (i) hingga  
 (ii) dengan  
 (iii) akan  
 (b) bagai anjing dengan kucing
- 23 (a) Guru disiplin meminta murid-murid beratur semasa membeli makanan di kantin.  
 (b) Kita digalakkan berkebun di rumah kerana dapat menggunakan masa lapang dengan berfaedah. Selain itu, kita dapat menjimatkan wang kerana tidak perlu berbelanja untuk membeli sayur di pasar. Kita juga dapat mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga melalui kegiatan berkebun di rumah.
- 24 (a) sekitar tahun 1900  
 (b) Pelancong boleh menaiki kereta api khas dengan mengambil masa selama sejam untuk menaiki dan menuruni Bukit Bendera.  
 (c) (i) Pemandangan hampir seluruh Pulau Pinang dapat dilihat oleh para pengunjung.  
 (ii) Suasana yang tenang dapat dinikmati oleh pengunjung di puncak Bukit Bendera.
- 25 (a) bubur ayam  
 (b) (i) Beras  
 (ii) Isi ayam  
 (c) Apabila beras dididihkan sehingga separuh masak, kita perlu memasukkan isi ayam, garam dan lada sulah lalu mengacaukan kesemua bahan itu sehingga sebati.  
 (d) Pada pendapat saya, bubur dihidangkan dengan bawang goreng, daun bawang dan daun sup kerana bahan-bahan ini akan menambahkan aroma dan rasa bubur ayam yang siap dimasak. Dengan ini, bubur ayam itu akan menjadi lebih sedap dimakan.

**Penulisan**

**Bahagian A**

- 1 Wakil murid sedang memberikan ucapan di atas pentas sempena sambutan Hari Kanak-kanak.

- 2 Empat orang murid sedang menyanyikan lagu dengan khususnya di atas pentas.  
 3 Sekumpulan murid perempuan mempersembahkan tarian yang menarik.  
 4 Guru besar menyampaikan hadiah kepada murid yang cemerlang dalam pelajaran.  
 5 Murid-murid dan guru menikmati jamuan ringan yang diadakan di dalam kelas masing-masing.

**Bahagian B**

Peta menunjukkan cara-cara mengurangkan penggunaan plastik. Berdasarkan peta, terdapat beberapa cara untuk mengurangkan penggunaan plastik.

Pertama sekali, kita boleh membawa beg sendiri semasa membeli-belah. Cara ini dapat mengurangkan penggunaan beg plastik. Kedua, kita boleh membawa bekas makanan sendiri ketika membeli makanan di gerai makan atau restoran.

Selain itu, kita tidak harus menggunakan straw plastik. Sebaliknya, kita boleh menggunakan batang tumbuhan seperti serai untuk menggantikan straw plastik. Seterusnya, peniaga boleh menggunakan sumber alam semula jadi seperti daun pisang untuk membungkus barang jualan.

**Bahagian C**

**Soalan 1**

(Format Surat Kiriman Tidak Rasmi)

Pendahuluan : - menyertai pertandingan bercerita - dipilih oleh guru kelas

Isi-isi : - menghafalkan cerita - bertatih bersungguh-sungguh - setiap hari  
 - ibu bapa - membimbing - di rumah - bertatih di depan  
 - hari pertandingan - mempersembahkan - sebaik mungkin - menerima tepukan  
 - diumumkan sebagai juara - terkejut - tidak menyangka - gembira

Penutup : - harapan - bertanding di peringkat lebih tinggi

**Soalan 2**

Pendahuluan : - mengunjungi perpustakaan - sekolah atau awam - banyak faedah

Isi-isi : - menambahkan ilmu pengetahuan - pelbagai bidang  
 - menggunakan masa terluang - tidak mensesiakan  
 - menjimatkan wang - tidak perlu membeli buku  
 - mengurangkan tekanan - hiburan

Penutup : - banyak mengunjungi - dijadikan amalan

(Terima mana-mana jawapan yang relevan.)